

# Laporan Suhakam: TPM akan temui agensi kerajaan

UM - 9 SEP 2001

KUALA LUMPUR 8 Sept. — Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan mengadakan perjumpaan dengan semua agensi kerajaan yang berkaitan dengan laporan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suhakam) berhubung insiden perhimpunan haram di Jalan Kebun tahun lepas.

Timbalan Perdana Menteri berkata, perjumpaan itu penting untuk memahami perkara-perkara yang dilaporkan oleh Suhakam sebelum memutuskan rancangan kerajaan seterusnya terhadap isu itu.

Menurutnya, setakat ini Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan polis telah menyiapkan laporan terperinci berhubung laporan Suhakam itu.

“Saya (kini) perlu mendapatkan pandangan jabatan lain. (Menteri di Jabatan Perdana Menteri) Datuk Seri Dr. Rais Yatim juga akan membuat laporan mengenainya.

Beliau menyatakan demikian pada sidang akhbar selepas menyampaikan ucapan utama pada penutup Persidangan Pertubuhan Persatuan-Persatuan Pengurusan Asia (AAMO) Ke-14, yang diadakan sempena Persidangan Perniagaan Multimedia Panel Penasihat Antarabangsa bagi Koridor Raya Multimedia (MSC-IAP) di sini hari ini.

Abdullah ditanya perkembangan laporan Suhakam yang merumuskan polis bertanggungjawab terhadap beberapa pencabulan hak asasi manusia semasa insiden perhimpunan haram di Jalan Kebun dekat Lebuhraya KESAS, pada tahun lepas.

Laporan tersebut mendapat kritikan banyak pihak termasuk Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang menyifatkannya terlalu terpengaruh kepada hak asasi manusia cara Barat.

Ditanya secara umumnya adakah kerajaan Lersetujui de-

ngan tindakan polis semasa mengawal keadaan semasa perhimpunan haram di Jalan Kebun, Abdullah berkata:

“Ya, kerana itu adalah perhimpunan haram. Sepatutnya mereka yang patuh undang-undang tidak meneruskannya kerana polis telah mengatakan tidak akan mengeluarkan permit.

“Tetapi mereka masih meneruskan dan bermakna bersedia menentang undang-undang sedia ada.”

Dalam hal ini, beliau mempersoalkan adakah polis perlu memejam mata?

“Jika polis tidak bertindak bererti polis tidak bertanggungjawab, tidak mahu mengu- atkuasakan undang-undang.

“Ini merupakan satu pengabaian yang kita tidak boleh terima dalam perkhidmatan polis,” katanya.

Abdullah turut diminta mengulas dakwaan Presiden Parti Rakyat Malaysia (PRM), Dr. Syed Husin Ali, bahawa polis telah menyebabkan kematian tanpa sebab lebih 200 orang awam sejak beberapa tahun lalu.

“Ia merupakan satu tuduhan liar, saya tidak tahu apa asasnya dia membuat tuduhan seperti itu,” katanya.

Justeru beliau yang juga Menteri Dalam Negeri mahu polis memandang serius tuduhan itu dan mengambil tindakan jika perlu.

Ditanya mengenai laporan terbaru berhubung kegiatan pengeluaran wang secara haram daripada akaun Tabung Haji, Abdullah mengesahkan menyedari perkara itu.

Bagaimanapun, katanya, beliau belum menerima laporan polis mengenainya.